

Kaji pindaan akta gam, daun ketum

SUNGAI BULOH 29 Jun – Persatuan Pengasih Malaysia (Pengasih) mendesak kerajaan mengkaji semula pindaan Akta Dadah Merbahaya terhadap penagih dan penghidu gam, daun ketum, ketamin dan pengguna pil-pil khayal (Eramin 5).

Presidennya, Mohd. Yunus Pathi Mohamad berkata, akta tersebut harus dipinda agar mereka yang menagih dan menggunakan jenis dadah berkenaan dikenakan hukuman yang setimpal.

“Kami telah mengemukakan kepada kerajaan terhadap isu ini sejak dua tahun lepas, tetapi masih belum ada akta yang gubal oleh kerajaan bagi menghalang kegiatan ini.

“Menghidu gam dan menyalahgunakan daun ketum kini menjadi satu budaya penagihan yang semakin kronik di negara kita,” katanya pada sidang akhbar selepas pelancaran kempen Kenali Anak Kita di Sekolah Menengah Teknik Selangor di sini baru-baru ini

Majlis pelancaran kempen itu dilakukan oleh Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran, Datin Asariah Shaharudin dan turut dihadiri oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Jaras, Datuk Ir. Muhammad Bushro Mat Johor dan Pegawai Hubungan Korporat Kumpulan Petronas, Salena Zahiruddin.

Mohd. Yunus berkata, perkara itu perlu ditangani segera kerana ia mendatangkan kesan yang bahaya serta buruk kepada kesihatan dan juga fungsi sosial masyarakat.

Menurut beliau, penggunaan gam, daun ketum dan juga dadah saintifik menyebabkan kesannya sama seperti jenis-jenis dadah lain, malah lebih teruk daripada dadah jenis biasa.

Tambah beliau, kesalahan bagi mengedar daun ketum, ketamin, ekstasi dan dadah saintifik pula disarankan menerima hukuman pemulihan, rotan dan penjara seumur hidup berdasarkan kuantiti yang mereka miliki.